

# Sumber Pilihan

## MyUniNet

Diselaraskan oleh **Mazmin Mat Akhir**

MyUniNet melambangkan hasil kerjasama dan perkongsian pintar antara ahli-ahli Persidangan Perpustakaan Universiti dan Negara atau singkatannya PERPUN. Majlis pelancaran portal MyUniNet telah disempurnakan oleh **Menteri Pengajian Tinggi, YB Dato' Mustapa Bin Mohamed** pada 9 Januari 2007 bertempat di Universiti Multimedia Malaysia (MMU).

### Kandungan MyUniNet

Pembangunan portal MyUniNet menggambarkan iltizam PERPUN untuk menyediakan sumber maklumat ilmiah tempatan melalui satu punca akses iaitu portal MyUniNet. Portal ini menawarkan capaian kepada sumber maklumat berikut:

#### MYTO

MYTO merupakan singkatan kepada *Malaysian Theses Online* dan memuatkan maklumat tesis yang dihasilkan di semua IPTA dan tiga (3) IPTS terpilih. Sehingga Januari 2007, terdapat hampir 18,829 abstrak tesis di peringkat sarjana.

#### MURC

MURC merupakan singkatan kepada *Malaysian Universities Repository Collection* yang menawarkan sumber ilmiah sama ada yang diterbitkan atau tidak diterbitkan. Melalui sumber ini, anda akan menemui abstrak artikel jurnal terbitan Penerbit Universiti, kertas kerja persidangan, teks ucapan terpilih dan sebagainya.

#### MGIR

MGIR merupakan singkatan kepada *Malaysian Gateway to the Internet Resources*. Lawati MGIR sekiranya anda memerlukan sumber maklumat Internet dalam pelbagai bidang perkara tanpa perlu mengesan dan menapis hasil carian menggunakan enjin pencari.

#### MYULIS

MYULIS merupakan singkatan kepada *Malaysian Union List of Serials*. Sumber ini mengandungi maklumat bahan terbitan bersiri seperti jurnal dan majalah yang dilanggan oleh IPTA, IPTS dan perpustakaan penyelidikan. MYULIS merupakan sumber penting kepada mereka yang ingin memohon bahan melalui perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP).

### Mengakses MyUniNet

Mereka yang berminat untuk mengakses MyUniNet hanya perlu mendaftar di <http://www.perpun.net.my> untuk menggunakan sumber MYTO, MGIR, MURC dan MYULIS. Sekiranya anda menghadapi sebarang masalah mengenai akses kepada portal MyUniNet, sila hubungi:

**Unit Runding Maklumat  
Perpustakaan**

**Universiti Malaysia Perlis**

**Tel (04) 979 8133**

**E-mel rujukan@unimap.edu.my**



**'Knowledge to be shared,  
not to be kept'**

MyUniNet